



Tadbir Urus Dan Potensi Uitm Cawangan Sabah dalam Pelaksanaan Wakalah Zakat di Sabah

NOR ALHANA ABD MALIK^{1, a}, RAZIZI TARMUJI^{2, b}, SITI AMINAH MOHAMMAD^{3, c}, SAIFUL NIZAM AMRAN^{4, d}

¹Universiti Teknologi MARA, Sabah Branch, Malaysia

² Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

^{3, 4}Universiti Teknologi MARA, Sabah Branch, Malaysia

^anoral801@uitm.edu.my, ^bbraziz106@uitm.edu.my, ^cct_syamin@uitm.edu.my
& ^dsaifu775@uitm.edu.my

Abstrak

Institusi pengajian tinggi kini memainkan peranan yang signifikan dalam pengurusan zakat negara melalui pelaksanaan kutipan dan agihan zakat berasaskan konsep wakalah. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah (UiTMCSH) merupakan salah satu institusi yang terlibat secara aktif dalam mengurus kutipan zakat gaji melalui potongan gaji staf serta agihan zakat kepada pelajar asnaf. Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan semasa dan potensi UiTMCSH sebagai agen kutipan zakat harta di peringkat negeri. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan laporan berkaitan kutipan dan agihan zakat. Dapatan menunjukkan bahawa UiTMCSH mempunyai struktur tadbir urus yang teratur dengan sokongan prosedur yang jelas serta pengasingan fungsi kutipan dan agihan. Pelaksanaan konsep wakalah membolehkan kutipan zakat pendapatan dilaksanakan secara sistematik, manakala agihan melalui konsep wakalah membolehkan bantuan disalurkan secara cepat dan bersasar. Kajian turut mengenal pasti potensi UiTMCSH sebagai agen kutipan zakat harta diperkukuh melalui pengalaman sedia ada, keupayaan struktur dan kerjasama strategik dengan institusi zakat negeri. Pelaksanaan peranan ini bergantung kepada sokongan dasar, kerjasama institusi zakat negeri dan keperluan pemantapan pelaksanaan dalaman. Kajian ini memberi gambaran awal tentang pengukuhan peranan institusi pendidikan tinggi dalam pengurusan zakat secara menyeluruh.

Kata kunci: wakalah, zakat, UiTM Cawangan Sabah, tadbir urus, institusi pengajian tinggi

1. Pengenalan

Zakat dalam Islam bukan sekadar kewajipan agama tetapi merupakan instrumen utama dalam ekonomi Islam yang merangkumi dimensi spiritual, sosial dan ekonomi. Ia berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan untuk memperkukuh keadilan sosioekonomi, mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan ummah. Walaupun dana zakat berasal daripada harta individu, pelaksanaannya memerlukan institusi berautoriti untuk memastikan pengagihan sampai kepada golongan yang benar-benar layak. Yusuf al-Qaradawi (1981) menegaskan bahawa pengurusan zakat adalah tanggungjawab pemerintah, merangkumi keseluruhan proses daripada kutipan hingga agihan. Di Malaysia, pengurusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), manakala di peringkat persekutuan ia diselaraskan oleh Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR). Seseengah negeri telah memperkenalkan model pengurusan zakat yang lebih moden melalui agensi khusus bagi membolehkan kutipan dan agihan dilaksanakan secara lebih sistematik. Bagi memperluas capaian dan keberkesanan agihan zakat, konsep wakalah telah diperkenalkan sebagai strategi pelantikan individu atau organisasi untuk mengurus sebahagian dana zakat bagi tujuan kutipan atau agihan. Wakalah merupakan istilah bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *wakila* bererti wakil (Ibn Manzur, 1997). Ia membawa maksud seseorang yang meminta orang lain melakukan sesuatu urusan atau pekerjaan bagi dirinya sama ada melibatkan pengendalian harta, pembahagian harta pusaka, ejen jual beli, ejen perniagaan dan sebagainya (Majma' al-Lughah al-A'rabiyyah, 1985; Hailani dan Sanep, 2009). Wakalah menurut syarak dapat disimpulkan dengan suatu bentuk kontrak wakalah antara pihak yang ingin mewakilkan sesuatu tugas atau perkara (dipanggil sebagai muwakkil); dengan pihak yang lain agar dilaksanakan tugas atau perkara tersebut bagi pihak yang mewakilkan itu (dipanggil sebagai wakil) dan wakil tersebut bertindak sebagai penggantinya dalam perbuatan tersebut (Paizin & Sarif, 2021).

Amalan wakalah pengurusan zakat yang diamalkan di Malaysia pada hari ini adalah selaras dengan amalan Rasulullah SAW berkaitan pelantikan wakil bagi mengutip harta umat Islam di beberapa wilayah untuk diagihkan kepada asnaf di wilayah mereka (Al-Qaradawi, 1981). Di Malaysia, amalan wakalah telah bermula sejak zaman kolonial apabila sultan melantik imam melaksanakan kutipan dan agihan di masjid dalam kawasan kampung (Abd Aziz, 1993).



Pelantikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi merealisasikan konsep wakalah merupakan strategi berkesan untuk mengoptimalkan pengagihan zakat. Langkah ini turut membantu institusi zakat mendekati muzakki dan asnaf di institusi tersebut (Rahman et al., 2024). Pengurusan zakat yang telus dan profesional dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat, di samping mengelakkan penyelewengan dan ketirisan dana. Pelaksanaan konsep wakalah di IPT dilihat relevan, khususnya dalam mengagihkan dana zakat secara langsung kepada penerima yang layak dengan lebih efisien. Keadaan ini dapat mengurangkan beban kewangan asnaf, terutamanya pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Secara tidak langsung, pelaksanaan wakalah di IPT juga dapat meningkatkan kefahaman warga kampus terhadap zakat serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan dan kaedah pengurusannya. Selain itu, ia menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti kebajikan. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTMCSH) merupakan antara IPT yang aktif dalam pengurusan zakat. Inisiatif yang dilaksanakan termasuk kutipan zakat gaji staf melalui potongan gaji serta pengagihan zakat kepada pelajar asnaf. Dana agihan ini diperoleh daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan badan korporat. Menurut laporan MUIS, jumlah kutipan zakat yang direkodkan oleh Pusat Zakat Sabah (PZS) pada tahun 2025 adalah sebanyak RM121.7 juta, manakala jumlah agihan mencecah RM173.9 juta (Sabah Media, 2024). Walaupun angka ini menunjukkan komitmen tinggi dalam agihan, potensi untuk meningkatkan kutipan zakat harta masih besar, khususnya melalui penglibatan strategik IPT sebagai rakan pelaksana wakalah.

Namun, ketiadaan mekanisme wakalah yang formal, garis panduan khusus dan kerjasama menyeluruh dengan MUIS boleh menghadkan keupayaan IPT untuk memberi impak maksimum kepada komuniti kampus dan masyarakat setempat. Meskipun UiTMCSH telah berpengalaman lebih sedekad dalam kutipan zakat gaji dan pengagihan zakat kepada pelajar, potensinya sebagai agen kutipan dan agihan zakat harta di peringkat negeri masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai amalan semasa pengurusan zakat di UiTMCSH serta mengenal pasti potensi peluasan peranan wakalah zakat di Sabah dengan memberi fokus kepada pengukuhan peranan IPT sebagai rakan strategik institusi zakat negeri.

2. Sorotan Literatur

Konsep wakalah dalam pengurusan zakat memberi peluang kepada institusi atau individu untuk diberi kuasa mengurus kutipan dan agihan zakat bagi pihak pihak berkuasa zakat (Sulaiman et al., 2021). Mekanisme ini bukan sahaja memperluaskan capaian agihan, malah meningkatkan kecekapan pengurusan dana zakat kerana dapat mengurangkan jurang antara pembayar dan penerima zakat. Menurut Nizar dan Mohamad (2024), pelaksanaan zakat wakalah di Malaysia membolehkan pembayar zakat memohon pemulangan sebahagian bayaran zakat untuk diagihkan sendiri kepada golongan asnaf yang layak. sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem zakat formal. Kajian ini juga menekankan bahawa wakalah berpotensi besar menyokong pembangunan mampan kewangan sosial Islam melalui penglibatan aktif muzakki dalam proses agihan zakat. Namun, Mahmud et al. (2014) dalam kajiannya menegaskan pelaksanaan wakalah memerlukan garis panduan yang jelas, sistem pemantauan yang telus dan tahap akauntabiliti yang tinggi bagi mengelakkan ketirisan atau penyalahgunaan dana. Menurut Muhsin dan Suhaili (2021), terdapat tiga bentuk wakalah dalam pengurusan zakat di Malaysia iaitu wakalah dasar pengembalian wang zakat, wakalah amil IPT dan wakalah ejen kutipan zakat. Wakalah dasar pengembalian wang zakat merujuk kepada pelantikan wakil yang hanya diberi kuasa untuk mengenal pasti asnaf dan menyalurkan dana zakat kepada mereka. Wakalah amil IPT pula melibatkan wakil yang bertanggungjawab mengagihkan zakat kepada penerima yang layak sambil mengutip zakat daripada warga IPT tersebut. Sementara itu, wakalah ejen kutipan zakat memberi kuasa kepada wakil untuk menjalankan kutipan zakat sahaja seperti firma atau organisasi yang dilantik dengan imbuhan dalam bentuk komisen berdasarkan jumlah kutipan yang berjaya diperoleh.

Dasar dan polisi yang diperkenalkan oleh institusi zakat negeri membolehkan pelbagai pihak seperti institusi pengajian tinggi, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan dilantik sebagai ejen kutipan atau agihan zakat (Wiwitan et al., 2016; Ayub et al., 2022). Usaha seperti ini telah meningkatkan keupayaan institusi pengajian tinggi dalam mengurus dana zakat secara efisien, memberi manfaat langsung kepada pelajar asnaf serta memperluas literasi zakat dalam kalangan warga kampus. Sehingga 2016, 11 IPT termasuk UiTM, UKM, UIAM dan UPM telah bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) (Wiwitan D. et al., 2016), manakala UiTM Kedah bekerjasama dengan LZNK (Ayub et al., 2022). Di Sabah pula, kerjasama diwujudkan antara MUIS dan UiTMCSH (Tarmuji et al., 2022), serta UMS sebagai ejen kutipan dan agihan zakat pada 2022 (Utusan Borneo, 2022). Kajian Mahmud R et al. (2014) menunjukkan setiap IPT mengamalkan urus tadbir zakat yang berbeza namun konsep melokalisasikan IPT dalam urus tadbir zakat membuktikan keberkesanannya dengan peningkatan jumlah dana zakat yang dikutip berbanding dengan kaedah yang berpusat di institusi zakat negeri. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai sebahagian universiti awam dan swasta yang mempunyai unit pengurusan zakat masing-masing.



Jadual 1: Unit Pengurusan Zakat IPT di Malaysia

Negeri	Nama IPT	Unit Pengurusan Zakat
	Universiti Teknologi Mara	Pusat Zakat, Sedekah & Wakaf (ZAWAF)
	Universiti Putra Malaysia	Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat & Endowmen (WAZAN)
	Universiti Kebangsaan Malaysia	Unit Zakat UKM
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Unit Zakat & Latihan UIAM
Selangor	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	Bahagian Zakat, Wakaf & Infaq
	Universiti Tenaga Nasional	Tabung Amanah Zakat UNITEN
	Universiti Multimedia Malaysia	Tabung Amanah Zakat MMU
	Universiti Selangor	Unit Zakat Pusat Islam UNISEL
	Management And Science University	Unit Zakat MSU
	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Unit Zakat & Kebajikan UPSI
	Universiti Teknologi Petronas	Unit Pengurusan Zakat & Waqaf
	Politeknik Ungku Omar	Unit Zakat & Wakaf (UZWA)
	Universiti Kuala Lumpur	Unit Zakat UniKL
	Politeknik Sultan Azlan Shah	Tabung Amanah Zakat PSAS
Perak		
Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia	Pejabat Zakat, Waqaf & Infaq (ZAWAIN)
	Universiti Utara Malaysia	Bahagian Wakaf, Zakat & Endowmen UUM
Kedah	Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	Tabung Amanah Zakat POLIMAS
	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	Tabung Amanah Zakat PTSB
Pulau Pinang	Universiti Sains Islam Malaysia	Pusat Wakaf & Zakat (PWZ)
Johor	Universiti Teknologi Malaysia	Unit Zakat dan Kebajikan, Pusat Islam UTM
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	Unit Zakat Pusat Islam UTHM
Melaka		Unit Pentadbiran, Helwa & Zakat, Pusat Islam
	Universiti Teknologi Melaka	UTEM

Sumber: Diadaptasi daripada Rahman, A. A. et al., 2024

Sementara itu, Romli et al. (2022) mengkaji amalan wakalah pengurusan zakat di Politeknik Ungku Omar (PUO) setelah sedekad pelaksanaannya. Kajian kualitatif ini menunjukkan bahawa PUO telah mengaplikasikan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kutipan zakat melalui Tabung Amanah Zakat PUO dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK). Prinsip asas agihan yang telus dan menepati syarak dijadikan panduan utama dan unit khas diwujudkan untuk mengurus operasi kutipan dan agihan. Kejayaan PUO membuktikan bahawa model wakalah di peringkat institusi pengajian tinggi berkesan dalam membantu asnaf di persekitaran institusi. Begitu juga dengan kajian oleh Ayub et al. (2022) menunjukkan bahawa kecekapan pengurusan zakat di UiTM Kedah dipertingkat melalui kerjasama dengan LZNK dapat meningkatkan kutipan dan agihan zakat seterusnya memberi peluang yang lebih luas kepada asnaf. Walaupun konsep wakalah membawa banyak kelebihan, ia turut berdepan cabaran seperti keperluan menyediakan latihan, meningkatkan kefahaman terhadap peraturan zakat dan memastikan pengurusan rekod kewangan yang sistematik (Paizin & Sarif, 2021). Cabaran-cabaran ini memerlukan kerjasama erat antara institusi zakat negeri dan ejen wakalah bagi menjamin integriti, ketelusan dan keberkesanan pengurusan zakat. Secara keseluruhannya, pelaksanaan wakalah zakat yang disokong oleh tadbir urus yang baik berpotensi menjadi pemangkin utama dalam mengoptimalkan agihan dana zakat dan memantapkan keberkesanan institusi zakat di Malaysia.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen bagi meneliti amalan kutipan dan agihan zakat. Kaedah ini membolehkan penyelidik meneliti bahan bertulis secara mendalam, mengenal pasti tema dan menafsirkan data mengikut konteks (Bowen, 2009; O'Leary, 2017). Dokumen dipilih berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian, kesahan sumber dan kelengkapan data seperti laporan tahunan institusi zakat, laporan kewangan, statistik kutipan dan agihan, polisi dan garis panduan seperti Arahan Amanah Zakat UiTM 2019, kertas kerja seminar, penerbitan



akademik, sumber dalam talian rasmi dan portal data rasmi kerajaan. Analisis dilakukan melalui pembacaan mendalam, pengekstrakan maklumat utama dan pengkelasan data kepada lima tema: struktur tadbir urus, mekanisme kutipan zakat, mekanisme agihan zakat, potensi dan cabaran. Triangulasi sumber digunakan untuk memastikan konsistensi maklumat, manakala pengkelasan dilakukan secara manual menggunakan perisian helaian kerja digital. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti corak, perbezaan dan hubungan antara dapatan yang dibincangkan dalam perbincangan kajian.

4. Dapatan dan Perbincangan

Struktur Tadbir Urus Pengurusan Zakat di UiTMCSH

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan universiti terbesar di Malaysia yang mempunyai 166,070 orang pelajar di 34 buah kampus di seluruh negara (Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM, 2023). UiTM berperanan besar dalam memberi peluang pendidikan peringkat tinggi kepada lebih ramai lagi golongan Bumiputera khususnya mereka yang datang dari keluarga berpendapatan rendah. Ini merupakan suatu cabaran yang besar bagi pihak UiTM untuk memastikan pelajar ini dapat belajar dengan selesa dan mempunyai kemampuan kewangan sepanjang tempoh pengajian mereka di UiTM. Pada tahun 1998, UiTM diberikan kebenaran oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk melaksanakan pungutan dan agihan zakat di kalangan warganya (Hashim & Mustaffa, 2012). Sekaligus menjadikan UiTM sebagai universiti awam pertama yang menjadi perintis pelantikan Penolong Amil kepada LZS. Beberapa kali berlaku penstrukturan organisasi dan penamaan unit zakat di UiTM semenjak pelantikan tersebut. Bermula tahun 2019, nama unit zakat adalah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM yang diletakkan terus di bawah seliaan Naib Canselor. Di peringkat UiTM Cawangan pula, ia diurus oleh Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF).

Pengurusan agihan dana zakat di peringkat UiTMCSH adalah melalui persetujuan Jawatankuasa Agihan Zakat dan Sedekah yang dipengerusikan oleh Rektor dan ahlinya adalah Timbalan Rektor HEP (merangkap Pengerusi Ganti), Ketua Pusat Pengajian ACIS, Wakil Pendaftar, Wakil Bendahari, seorang Pakar Rujuk Zakat dan Koordinator Unit ZAWAF sebagai setiausaha (Arahan Amanah Zakat UiTM, 2019). Semua permohonan agihan zakat perlu dibentang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Agihan Zakat dan Sedekah. Namun penurunan kuasa untuk meluluskan peruntukan segera diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Jawatankuasa Agihan Zakat dan Sedekah sehingga RM5000.00. Kelulusan segera ini kemudian perlu dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa agihan (Najahudin *et. al*, 2019). Akaun ini dikawal oleh Bendahari UiTM di bawah pengendalian Jawatankuasa Akaun. Pengawasan dan pengurusan Akaun ini perlu sentiasa tertakluk kepada terma-terma Arahan Akaun ini, peruntukan-peruntukan Arahan Perbendaharaan serta peraturan-peraturan kewangan yang berkaitan dengannya dan apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan UiTM dari semasa ke semasa. Semua terimaan dan bayaran yang dibuat kepada dan dari Akaun ini hendaklah diperakaukan oleh Bendahari UiTM. (Arahan Amanah Zakat UiTM, 2019).). Namun begitu bermula tahun 2024, pengurusan zakat di UiTMCSH kembali diserahkan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) sejajar dengan keputusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 3/2023 bertarikh 18 Januari 2023.

Pelaksanaan Kutipan Zakat Gaji

Pelaksanaan kutipan zakat melalui potongan gaji di UiTM dilaksanakan oleh ZAWAF di setiap cawangan UiTM di seluruh Malaysia. Skim Potongan Zakat Berjadual (SPZB) membolehkan staf UiTM menunaikan zakat pendapatan secara bulanan melalui potongan gaji melalui sistem UiTM *fineportal* yang dikendalikan oleh Pejabat Bendahari UiTM. Selain itu, bayaran zakat juga boleh dilakukan secara tunai atau cek di kaunter ZAWAF. Selain zakat gaji, ZAWAF mengutip semua jenis zakat yang diwajibkan daripada kakitangan, pelajar UiTM dan orang awam. Antara jenis zakat tersebut ialah zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat wang simpanan, zakat saham, zakat kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP), zakat pertanian/padi, zakat ternakan, zakat emas dan perak serta qadha zakat. Semua hasil kutipan zakat UiTM akan diserahkan kepada LZS, MAIS dan 50 peratus dari hasil kutipan akan disalurkan semula kepada UiTM. Sebanyak 43.75 peratus untuk diagihkan sendiri oleh UiTM kepada asnaf yang layak, sementara 6.25 peratus lagi bagi tujuan pengurusan ZAWAF (asnaf amil) (<https://zawaf.uitm.edu.my/index.php/zakat/data-kutipan-dan-agihan>). Pembahagian kadar tersebut dilaksanakan juga oleh MAIPK dengan PUO yang menerima empat per lapan (4/8) bahagian daripada hasil kutipan tersebut, yang mana tiga per empat ($\frac{3}{4}$) adalah untuk diagihkan kepada asnaf miskin, gharimin dan fisabilillah, manakala satu per empat ($\frac{1}{4}$) bahagian lagi adalah upah amil (Romli *et al.*, 2022). Menurut kajian Nizar dan Mohamad (2024), negeri yang mempunyai polisi wakalah dengan menyerahkan semula hasil kutipan zakat sebanyak 50 peratus daripada hasil kutipan kepada universiti ialah Selangor, Perlis dan Perak. Wilayah Persekutuan menyerahkan semula sebanyak 37.5 peratus.



Kutipan zakat gaji yang dibuat oleh staf UiTM di seluruh cawangan akan dikendalikan oleh Pejabat Bendahari. Staf boleh memilih institusi zakat negeri untuk menjadi wakil mengagihkannya zakat mereka. Bagi yang memilih negeri Selangor sahaja akan dikembalikan semula ke UiTM Cawangan sebanyak 50 peratus untuk diagihkan kepada asnaf.

Jadual 2 : Jumlah Kutipan Zakat Gaji dalam kalangan staf UiTMCSH bagi tahun 2015 hingga 2021

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Jumlah kutipan zakat (RM)	157,977.20	192,060.00	180,006.68	201,745.30	205,303.44	227,757.00	206,486.04
Peratus peningkatan		21.57%	-6.28%	12.08%	1.76%	10.94%	-9.34%

Sumber: Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam

Jadual 2 menunjukkan kutipan zakat gaji dalam kalangan staf UiTMCSH bagi tahun 2015 hingga 2021. Data ini memperlihatkan trend yang tidak konsisten namun secara umum menunjukkan kecenderungan peningkatan pada tahun-tahun tertentu. Kutipan terendah direkodkan pada tahun 2015 sebanyak RM157,977.20, manakala kutipan tertinggi berlaku pada tahun 2020 dengan jumlah RM227,757.00. Peningkatan tertinggi berlaku pada tahun 2016 dengan kadar 21.57% berbanding tahun sebelumnya, diikuti kenaikan 12.08% pada tahun 2018. Walaupun begitu, terdapat penurunan kutipan pada tahun 2017 (-6.28%) dan 2021 (-9.34%). Data bilangan pembayar zakat gaji bagi tahun 2020 (141 orang) dan 2021 (140 orang) menunjukkan perbezaan yang kecil, menandakan jumlah pembayar kelihatan hampir sama dalam tempoh dua tahun tersebut. Namun, memandangkan data ini hanya meliputi dua tahun, kesimpulan mengenai kestabilan bilangan pembayar dalam jangka panjang tidak dapat dibuat secara menyeluruh (Abd Malik et al., 2022).


Agihan Zakat di UiTM Cawangan Sabah Melalui Konsep Wakalah

UiTMCSH telah memeterai MoU dengan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada tahun 2012 sebagai asas kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut dalam pelbagai bidang berkaitan pendidikan, penyelidikan dan bantuan kewangan. Bermula tahun 2014, pihak MUIS telah menyumbangkan dana zakat kepada pihak UiTMCSH sebanyak RM100,00.00 setahun untuk menguruskan pengagihannya kepada pelajar. Jumlah ini meningkat kepada RM300,000.00 setahun pada tahun 2025. Selain MUIS, sumber dana zakat UiTMCSH juga diterima daripada potongan zakat gaji staf di Lembaga Zakat Selangor yang akan dipulangkan semula 50% ke kampus, badan-badan korporat dan syarikat perniagaan sekitar Sabah (Razizi et. al, 2022). Permohonan zakat secara rasminya dibuka dua kali setahun berdasarkan kalendar akademik universiti iaitu sesi Oktober- Februari dan Mac-Julai. Namun begitu, permohonan adalah terbuka sepanjang tahun di luar waktu yang ditetapkan bagi kes-kes tertentu dan kecemasan yang memerlukan bantuan segera. Bermula tahun 2025, permohonan melalui sistem e-zakat UiTM diwajibkan oleh UiTM untuk digunakan di seluruh sistem. Sistem e-zakat dibangunkan oleh Bahagian Infostruktur (Unit Teknologi Maklumat UiTM) dan ZAWAF Wakaf UiTM Shah Alam dan dikendalikan di bawah portal rasmi UiTM di bawah HEP (Junoh et al., 2023). Pelbagai ciri yang terdapat dalam sistem e-ZAKAT memberikan kelebihan berbanding Google Form yang sebelum digunakan oleh UiTMCSH sebelum ini. Antaranya rekod permohonan, maklumat peribadi, kalkulator asnaf, had kifayah, pembangunan sistem zakat dan pengurusan zakat. Kelebihan sistem ini memudahkan pihak pengurusan zakat UiTM dalam mengatasi masalah seperti kekurangan sumber manusia dalam meneliti dokumen, meningkatkan ketelusan, dan mengoptimumkan penggunaan masa (Azli, Kamaruzzaman, & Zhaffar, 2024). Pelaksanaan e-zakat ini juga sesuai dengan matlamat UiTM dan hala tuju ZAWAF iaitu menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia 2025 (Globally Reowned University 2025 – GRU 2025)(Azli & Yaakob,2022). Antara kategori asnaf UiTM yang dibenarkan ialah fakir, miskin, muallaf dan fisabilillah.



Rajah 1: Carta Alir Proses Permohonan Zakat UiTMCSH


Carta Alir Proses Permohonan Zakat UiTM Cawangan Sabah



Berdasarkan Rajah 1 di atas, pemberitahuan berkenaan permohonan zakat diberitahu melalui laman web UiTMCSH dan juga media sosial. Pelajar juga dikehendaki memuat naik dokumen sokongan untuk permohonan zakat ini seperti salinan kad pengenalan, slip gaji ibu bapa/penjaga dan dokumen lain yang relevan. Bagi pemohon yang berjaya untuk ke sesi temubual, pemohon hendaklah berjumpa dengan panel pada tarikh yang ditetapkan samada secara bersemuka ataupun secara atas talian. Selepas diproses keputusan pelajar yang berjaya menerima zakat akan diberitahu secara rasmi kepada setiap pelajar selain daripada pemberitahuan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi telegram ataupun whatsapp. Bayaran zakat akan diuruskan oleh pihak kewangan dan akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima zakat (Razizi et. al, 2022).

Jumlah keseluruhan yang diterima daripada tahun 2011 sehingga 2024 adalah RM4.4 juta. Wang tersebut telah diagihkan kepada 10,309 orang pelajar UiTMCSH (Laporan Agihan Zakat UiTMCSH Tahun 2024).

Rajah 2 : Trend Jumlah Agihan Zakat dan Jumlah Pelajar Menerima Zakat UiTMCSH Bagi Tahun 2011-2024



Sumber: Laporan Agihan Zakat UiTMCSH Tahun 2024



Berdasarkan Rajah 2 di atas, sepanjang tempoh 14 tahun dari tahun 2011 hingga 2024, UiTMCSH menyalurkan bantuan zakat berjumlah RM4.45 juta kepada seramai 10,309 pelajar. Data menunjukkan peningkatan ketara bermula pada tahun 2015, di mana jumlah agihan melonjak kepada RM435,630.00 dan terus meningkat pada tahun berikutnya kepada RM543,100.00. Walaupun berlaku penurunan pada tahun 2018, jumlah agihan kembali meningkat dan mencapai kemuncak pada tahun 2023 dengan nilai RM638,110.00. Tahun 2024 pula mencatat sedikit penurunan kepada RM502,068.00, namun bilangan penerima kekal tinggi melebihi 1,000 pelajar. Secara umum, bilangan pelajar penerima dan jumlah agihan zakat mempunyai hubungan yang selari, walaupun terdapat beberapa tahun di mana agihan lebih besar walaupun jumlah pelajar penerima lebih rendah contohnya tahun 2024 berbanding tahun 2023. Corak ini mencerminkan hakikat bahawa bantuan zakat sentiasa menjadi keperluan penting bagi pelajar UiTM Sabah, khususnya mereka daripada keluarga berpendapatan rendah. Justeru, peranan universiti sebagai ejen kutipan zakat harta berpotensi diperkasa untuk memastikan keperluan yang semakin meningkat ini dapat terus dipenuhi. Ini mencerminkan bantuan zakat kekal menjadi keperluan penting bagi pelajar UiTMCSH. Keperluan ini terus meningkat seiring dengan kenaikan kos sara hidup dan peningkatan bilangan pelajar penerima zakat khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah. Justeru, peranan universiti sebagai ejen kutipan zakat harta wajar diperkasakan agar keperluan yang semakin mendesak ini dapat dipenuhi.

Dari segi kutipan zakat gaji staf, terdapat perbezaan ketara pada tahun-tahun tertentu. Contohnya, tahun 2016 mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 21.57 peratus berbanding tahun sebelumnya. Manakala tahun 2021 menunjukkan penurunan 9.3 peratus. Perubahan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor seperti keadaan ekonomi, perubahan kadar gaji serta tahap kesedaran dan penglibatan staf dalam SPZB yang berkurang disebabkan pencen. Perbezaan turut dapat dilihat dalam kaedah permohonan bantuan zakat pelajar sebelum dan selepas pengenalan sistem e-Zakat pada tahun 2025. Sebelum tahun 2025, permohonan dibuat melalui Google Form dan memerlukan semakan manual oleh staf. Kini, sistem e-Zakat menyediakan platform berpusat yang dilengkapi fungsi seperti kalkulator had kifayah, rekod permohonan automatik, dan penjejakan status secara dalam talian. Inovasi ini bukan sahaja mempercepat proses penilaian malah memudahkan rujukan dan meningkatkan ketelusan pengurusan.

Selain itu, terdapat hubungan jelas antara peningkatan dana yang diterima daripada MUIS dan pertambahan bilangan penerima zakat. Sumbangan tahunan MUIS meningkat daripada RM100,000 pada 2014 kepada RM300,000 pada 2025. Peningkatan ini membolehkan UiTMCSH membantu lebih ramai pelajar. Struktur tadbir urus yang mantap termasuk peranan Jawatankuasa Agihan Zakat dan Sedekah juga turut membolehkan kelulusan segera bagi kes kecemasan sehingga RM5,000. Ini membuktikan bahawa sokongan dana yang kukuh dan pentadbiran yang berkesan adalah faktor penting bagi kejayaan pelaksanaan wakalah zakat di peringkat institusi.

Potensi UiTM Cawangan Sabah dalam Pelaksanaan Wakalah di Sabah

UiTMCSH mempunyai rekod pengalaman dalam pengurusan zakat yang kukuh. Terutamanya melalui penglibatan unit zakat dan pelantikan amil dalaman untuk kutipan dan agihan dalam kalangan warga institusi. Ini sejajar dengan dapatan Azman et al. (2024) yang mendapati bahawa penubuhan unit dan pelantikan amil IPT telah meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat di Malaysia. Kedua, UiTMCSH mempunyai pengalaman dalam pengagihan zakat kepada pelajar asnaf. Sejak 2011 hingga 2024, bantuan zakat berjumlah RM4.45 juta telah diagihkan kepada 10,309 pelajar. Trend peningkatan agihan ini mencerminkan keupayaan institusi dalam mengurus dana zakat dengan telus dan berfokus kepada keperluan pelajar dari golongan berpendapatan rendah. Kajian Ayub et al. (2022) turut menunjukkan bahawa pelibatan langsung IPT dalam pengagihan zakat dapat mengurangkan jurang bantuan kepada pelajar asnaf di kampus. UiTMCSH mempunyai asas yang kukuh untuk berperanan sebagai wakil dalam kutipan zakat harta seperti zakat gaji melalui SPZB. Salah satu faktor utama ialah keperluan meningkatkan kapasiti dana bagi membantu pelajar yang majoritinya berasal daripada keluarga berpendapatan rendah. Setiap tahun, permohonan bantuan zakat daripada pelajar menunjukkan peningkatan yang konsisten, mencerminkan beban kewangan yang semakin mendesak akibat kos sara hidup dan yuran pengajian.

Ketiga, wujudnya kerjasama erat dengan MUIS. UiTMCSH dilantik sebagai pelaksana program Anjung Pendidikan Asnaf (ANPA) pada tahun 2018. Objektif PZS MUIS melaksanakan program ANPA adalah untuk memberi kemudahan pendidikan secara percuma kepada golongan asnaf. UiTM telah melaksanakan pelbagai program berbentuk akademik dan kerohanian. UiTM mengadakan program bukan sahaja melibatkan pelajar di kampus tetapi program komuniti sekolah di sekitar Kota Kinabalu. Kepercayaan institusi zakat negeri terhadap UiTMCSH ini adalah selari dengan dapatan Mahmud et al. (2014) yang mendapati bahawa hubungan strategik antara IPT dan institusi zakat negeri meningkatkan keberkesanan pengagihan. Keempat, UiTMCSH mempunyai sokongan infrastruktur dan sistem sedia ada. Antara kemudahan yang wujud termasuk sistem potongan gaji zakat secara digital, akaun tabung sedekah dan akaun infaq untuk pembangunan Pusat Islam secara wakaf. Menurut Paizin & Sarif (2021), kewujudan sistem dan infrastruktur pengurusan kewangan yang tersusun memudahkan peluasan fungsi wakalah tanpa memerlukan kos operasi yang tinggi.



Akhir sekali, UiTMCSH mempunyai komuniti kampus yang besar dengan ramai staf Muslim dan majoriti pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Hal ini, menjadikannya strategik untuk memupuk kesedaran serta melaksanakan kutipan zakat secara berkesan disokong oleh penglibatan aktif alumni dalam program kebajikan.

Cabaran dan Keperluan Pemantapan

Pelaksanaan wakalah zakat di UiTMCSH, walaupun mempunyai potensi besar dalam membantu golongan asnaf di kalangan pelajar tetap berdepan dengan beberapa cabaran yang boleh menjejaskan keberkesanan dan ketelusan tadbir urus. Antara cabaran utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

i. Kekangan Sumber Kewangan

Jumlah dana wakalah zakat yang disalurkan oleh MUIS adalah terhad dan perlu diagihkan kepada bilangan penerima yang ramai. Hal ini menyebabkan sesetengah pelajar asnaf menerima jumlah bantuan yang mungkin tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup dan keperluan pembelajaran mereka.

ii. Proses Permohonan dan Kelulusan yang Panjang

Terdapat rungutan bahawa proses permohonan bantuan zakat melalui saluran wakalah memakan masa yang agak lama akibat prosedur kelulusan berlapis. Keadaan ini boleh mengakibatkan kelewatan penerimaan bantuan terutamanya bagi kes-kes kecemasan.

iii. Kekurangan Kepakaran dan Tenaga Kerja

Pengurusan wakalah zakat di peringkat UiTMCSH mungkin bergantung kepada staf yang sedia ada tanpa unit khusus atau pegawai yang terlatih dalam pengurusan zakat. Kekangan ini menyukarkan proses pemantauan dan pelaporan yang sistematik.

iv. Pemantauan dan Pelaporan yang Terhad

Mekanisme pemantauan penggunaan dana wakalah zakat masih perlu diperkukuh. Laporan berkala yang lengkap dan terperinci amat penting bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan kepada MUIS serta pihak berkepentingan lain. Bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut, beberapa keperluan pemantapan boleh dilaksanakan seperti berikut:

i. Penambahan Peruntukan Dana

Kerjasama strategik dengan MUIS dan agensi luar perlu diperkukuh bagi meningkatkan jumlah dana wakalah zakat, termasuk usaha menggalakkan lebih ramai pembayar zakat menyalurkan wakalah kepada institusi pendidikan.

ii. Penstrukturan Proses Permohonan

Proses permohonan dan kelulusan bantuan zakat perlu dipermudahkan melalui penggunaan sistem dalam talian, pengurangan lapisan kelulusan, dan penetapan tempoh masa pemprosesan yang lebih singkat.

iii. Peningkatan Kepakaran Pengurusan

Latihan khusus tentang pengurusan dana zakat, kepatuhan syariah, dan tadbir urus kewangan perlu diberikan kepada staf yang terlibat secara langsung dalam pengurusan wakalah zakat.

iv. Pemantapan Sistem Pemantauan

Penggunaan teknologi seperti sistem pengesanan (*tracking system*) dan laporan digital boleh membantu memantau aliran dana serta memastikan bantuan digunakan mengikut tujuan asal.

5. Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis terhadap pelaksanaan wakalah zakat di UiTMCSH, beberapa cadangan penambahbaikan boleh dipertimbangkan:

i. Memperkukuh Hubungan Strategik dengan MUIS

UiTMCSH perlu menjalin kerjasama strategik yang lebih erat dengan MUIS bagi memastikan kelancaran penyaluran dana, perkongsian data penerima asnaf dan penyelarasan garis panduan pelaksanaan wakalah zakat.



ii. Penambahbaikan Proses Permohonan dan Kelulusan

Sistem permohonan bantuan wakalah zakat perlu dipermudahkan melalui penggunaan platform digital sepenuhnya yang membolehkan pelajar mengemukakan dokumen secara dalam talian dan menerima status permohonan dengan pantas.

iii. Pembangunan Unit Khas Pengurusan Zakat

Penubuhan unit atau jawatankuasa khas di UiTMCSH yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan wakalah zakat akan memastikan tadbir urus yang lebih tersusun, telus dan berfokus.

iv. Pelaksanaan Program Pembangunan Asnaf

Selain bantuan kewangan, dana wakalah zakat boleh digunakan untuk program pembangunan modal insan asnaf seperti latihan kemahiran, bimbingan keusahawanan dan program motivasi pelajar.

v. Peningkatan Sistem Pemantauan dan Pelaporan

Mekanisme audit dalaman dan laporan berkala yang jelas perlu diwujudkan bagi memastikan ketelusan penggunaan dana serta mematuhi prinsip tadbir urus baik (*good governance*).

Pelaksanaan wakalah zakat di UiTMCSH mempunyai potensi besar dalam membantu golongan asnaf dalam kalangan pelajar, selari dengan misi universiti untuk membangunkan modal insan berkualiti. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani, termasuk kekangan dana, proses kelulusan yang memakan masa serta kekurangan tenaga kerja khusus dalam pengurusan zakat. Dengan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan, UiTMCSH bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan agihan wakalah zakat, malah berpotensi menjadi model rujukan bagi institusi pengajian tinggi lain di Sabah dan Malaysia. Pelaksanaan tadbir urus yang baik, disokong oleh kerjasama erat dengan MUIS dan penggunaan teknologi akan memastikan dana wakalah zakat benar-benar memberi manfaat optimum kepada golongan yang memerlukan.

i. Penambahbaikan Proses Permohonan dan Kelulusan

Sistem permohonan bantuan wakalah zakat perlu dipermudahkan melalui penggunaan platform digital sepenuhnya yang membolehkan pelajar mengemukakan dokumen secara dalam talian dan menerima status permohonan dengan pantas.

ii. Pembangunan Unit Khas Pengurusan Zakat

Penubuhan unit atau jawatankuasa khas di UiTMCSH yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan wakalah zakat akan memastikan tadbir urus yang lebih tersusun, telus dan berfokus.

iii. Pelaksanaan Program Pembangunan Asnaf

Selain bantuan kewangan, dana wakalah zakat boleh digunakan untuk program pembangunan modal insan asnaf seperti latihan kemahiran, bimbingan keusahawanan, dan program motivasi pelajar.

iv. Peningkatan Sistem Pemantauan dan Pelaporan

Mekanisme audit dalaman dan laporan berkala yang jelas perlu diwujudkan bagi memastikan ketelusan penggunaan dana serta mematuhi prinsip tadbir urus baik (*good governance*).

Pelaksanaan wakalah zakat di UiTMCSH mempunyai potensi besar dalam membantu golongan asnaf di kalangan pelajar, selari dengan misi universiti untuk membangunkan modal insan berkualiti. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani, termasuk kekangan dana, proses kelulusan yang memakan masa serta kekurangan tenaga kerja khusus dalam pengurusan zakat. Dengan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan, UiTMCSH bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan agihan wakalah zakat, malah berpotensi menjadi model rujukan bagi institusi pengajian tinggi lain di Sabah dan Malaysia. Pelaksanaan tadbir urus yang baik, disokong oleh kerjasama erat dengan MUIS dan penggunaan teknologi akan memastikan dana wakalah zakat benar-benar memberi manfaat optimum kepada golongan yang memerlukan.

6. Rujukan

- Abd Aziz, M. (1993). *Zakat & Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing
- Abd Malik, N. A., Tarmuji, R., & Amran, S. N. (2022). Ramalan kutipan zakat staf UiTMCSH melalui skim potongan gaji. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 68–72. Majmuah Enterprise.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1981). *Fiqh al-Zakah Dirāsah Muqaranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fi Daw' al-Qurān wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah



- Ayub, A., Saufi, N. A. A., & Ramli, M. A. (2022). Pelaksanaan wakalah zakat di UiTM Kedah: Satu kajian kes. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(2), 45–60.
- Ayub, M.N., Hassan, S.H.M, Lateh, N., Ishak, M.M.I., Anasat, M.N., & Hilmi, M.N.et al. (2022). Impak Agihan Zakat Pendapatan Dalam Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, (hlm. 113-118). UiTM Cawangan Sarawak:Kuching.
- Azli, R. M., Kamaruzzaman, M. A. S., & Zhaffar, N. M. (2024). Analisis ekonomi pelajar: Tinjauan terhadap permohonan zakat di UiTM Negeri Sembilan. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 6(1), 94–107. <https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JIPSF>.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>.
- Junoh, N., Zin, M. N. M., Mustapha, A. M., Yusuf, N., Jusoh, N. A. M., Mustafa@Busu, Z., & Din, N.M. N. (2023). Analisis Strategi Pengurusan Zakat Dalam Mendepani Covid-19: Tinjauan Di Unit Zakat, Sedekah Dan Wakaf UiTM Cawangan Kelantan (Uzsw). *Journal of Fatwa Management and Research | Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 28(1).
- Lateh, N., Osman, M.R. & Din, G. (2019). Sorotan Historika 20 Tahun Kutipan dan Agihan Zakat di Universiti Teknologi MARA. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 18(3), 197-210.
- Mahmud, R., Ahmad, S., Mohamad, A.B, Ahmad, S.(2014).Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia,” *Jurnal Muamalat* 7 (2014), 133-164.
- Muhsin, N. P., & Suhaili, S. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep Wakalah Dalam Sistem Pengurusan Zakat Di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 8(1), 198–220. KOLEJ Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <https://rmc.kuis.edu.my/jpi/>.
- Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. (2018). Aplikasi Ekonomi Digital Dalam Pengurusan Zakat dan Filantropi Islam di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Najahudin Lateh *et al.*, (Ed.) *Aplikasi Pengurusan Zakat di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Paizin, M. N., & Sarif, S. (2021). Limitasi penggunaan konsep wakalah dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 8(1), 198–220.
- pengajian tinggi. *Malaysian Journal of Islamic Management*, 5(2), 101–115.
- Rahman, A. A., Romli, A. B., Abd Shakor, M. F., Daud, M. N., & Matali, A. (2024). Amalan Wakalah Pengurusan zakat di Institusi pengajian tinggi Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 80–89. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29,no3.616>.
- Romli, A. B., Daud, M. N., & Che Ab Rahman, R. (2022). Amalan konsep wakalah pengurusan zakat di Politeknik Ungku Omar. *Journal of Human Development and Communication*, 11, 106–116.
- Sabah Media. (2024, Disember 24). <https://sabahmedia.com/2024/12/24/semua-kaunter-pzs-muis-dibuka-setiap-hari-mudahkan-umat-islam-tunaikan-zakat/>.
- Sulaiman, N., Abdullah, A., & Rahman, A. A. (2021). Wakalah dalam pengurusan zakat: Analisis pelaksanaan di Malaysia. *Journal of Islamic Philanthropy & Management*, 3(1), 15–28.
- Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah. (2023). Laporan agihan aakat UiTMCSH 2023.
- Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah. (2024). Laporan agihan zakat UiTMCSH 2024.
- Universiti Teknologi MARA. (2019). Arahana amanah zakat UiTM (2019).
- Wiwitan, D., Rahman, A. A., & Hassan, R. (2016). Keberkesanan pelaksanaan wakalah zakat di institusi